

**KUMPULAN SABDA  
DULI YANG TERAMAT MULIA  
PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA  
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE  
BILLAH, MENTERI KANAN  
DI JABATAN PERDANA MENTERI  
TAHUN 2016**



Terbitan:  
Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2017

Hak Cipta Terpelihara  
Jabatan Penerangan

Penyelaras:  
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Taip set/Kompilasi:  
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak :  
Norhafilah binti Rosli

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar :  
Syahi bin Haji Ludin

Dicetak oleh:

ISBN  
978-99917-49-98-3

## ISI KANDUNGAN

Muka

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Pembukaan Rasmi Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1437 Hijrah/2016 Masihi (malam pertama) di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Selasa (Malam Rabu), 11 Rejab 1437 Hijrah/19 April 2016 Masihi

1 - 4

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Mesyuarat Kali Ke-3 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun di Bangunan Jabatan Perdana Menteri,

5 - 9

Jalan Jabatan Perdana Menteri Bandar Seri Begawan pada hari Selasa, 17 Syaaban 1437 Hijrah/24 Mei 2016 Masihi

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Keempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 6 Zulhijjah 1437 Hijrah/8 September 2016 Masihi

10 - 13

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan di Mesyuarat Majlis Bencana Kebangsaan 2016, di Jabatan Perdana Menteri pada hari Isnin, 9 Muharam 1438 Hijrah/10 Oktober 2016 Masihi

14 - 18

## **Sabda**

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Pembukaan Rasmi Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1437 Hijrah/2016 Masihi (malam pertama) di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Selasa (Malam Rabu), 11 Rejab 1437 Hijrah/19 April 2016 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin, Wa'ala 'Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**S**YUKUR kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta rahmat-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1437 Hijrah bersamaan 2016 Masihi. Semoga kehadiran kita semua di majlis yang berkebjajikan ini akan dikurniakan keberkatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, kerajaan paduka ayahanda melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dan akan terus

mengungkayahkan pelbagai usaha bagi mendekatkan rakyat dan penduduk negara ini dengan kitab suci Al-Quran. Usaha-usaha tersebut melibatkan semua peringkat umur. Ianya meliputi pelbagai aspek, iaitu daripada penguasaannya yang bermula dari peringkat literasi sehingga ke peringkat tertinggi dalam pengajian dan penyebaran ilmu-ilmu Al-Quran.

Secara spesifik, saya telah difahamkan Skim Tilawah Al-Quran Remaja di bawah kendalian Jabatan Pengajian Islam yang bermula sejak tahun 1997 adalah bertujuan untuk melatih dan membimbing para remaja dalam lagu-lagu tilawah yang masyhur. Setakat ini, dengan rasa amat bersyukur, skim tersebut telah membuahkan hasil yang dihasratkan di mana generasi pelapis qari dan qariah di peringkat kebangsaan telah dapat dilahirkan secara berterusan.

Kita sekarang telah menyaksikan penglibatan golongan remaja yang semakin meningkat di dalam Musabaqah Membaca Al-Quran. Malah, ada yang sudah menempa kejayaan dalam pertandingan di peringkat Musabaqah Peringkat Akhir Kebangsaan, Serantau dan Antarabangsa.

Justeru, saya menyeru kepada rakyat dan penduduk negara ini, khususnya pihak-pihak yang berkepentingan untuk terus melipatgandakan usaha-usaha murni yang sedemikian.

Bersukut dari pencapaian tersebut, pada hemat saya, kejayaan tersebut adalah juga berpaksikan kepada kejayaan pembangunan kerohanian para belia dan remaja. Sebagai aset utama negara, kita perlu berusaha dengan gigih bagi melahirkan modal insan yang beriman, bertakwa serta berakhlak berlandaskan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah.

Proses pembangunan negara yang berteraskan Islam dan minda Al-Quran tersebut akan seterusnya membentuk insan rabbani yang memiliki akal dan minda yang sentiasa cergas untuk berfikir. Minda yang proaktif akan seterusnya mencetuskan dorongan-dorongan dan perkembangan dalam masyarakat bagi menggerakkan pelbagai bentuk perubahan yang positif. Pembinaan keupayaan itu adalah lebih relevan lagi dengan peranannya dalam bersama-sama menghindari gejala-gejala negatif serta menangani apa jua bentuk cabaran yang dihadapi negara.

Perkara ini selaras dengan mukjizat Al-Quran sebagai sumber rujukan yang menekankan kepada pembentukan akal dan minda yang bertitik tolak daripada keimanan dan pedoman hidup. Ianya jelas telah terbukti berjaya mencorakkan kehidupan generasi Islam di zaman Rasulullah khususnya dalam membangun sebuah negara madani.

Di antara keistimewaan Al-Quran adalah sebagai kitab yang mudah difahami dan jelas maksudnya dan sesuai untuk manusia sejagat sebagaimana maksud Surah Al-Qamar, ayat 17:

*“Dan sesungguhnya kami mempermudah Al-Quran itu untuk diingati, maka adakah ada orang mahu mengambil pengajaran.”*

Perkara itu diperkukuhkan lagi dengan tujuan Al-Quran diturunkan, iaitu untuk membina umat yang mempunyai kemuliaan dan menjadi saksi atas umat yang lain. Umat yang mengasaskan kehidupannya berteraskan kepada akidah, syariah



dan akhlak Islam yang akan sekali gus membawa rahmat kepada manusia sejagat selaras dengan Surah Al-Anbiya', ayat 107 yang mafhumnya :

*“Dan tidak kami utuskan kamu (Muhammad) kecuali untuk membawa rahmat bagi seluruh alam.”*

Akhirnya, dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1437 Hijrah.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## **Sabda**

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda Haji  
Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri  
pada Mesyuarat Kali Ke-3 Jawatankuasa Kebangsaan  
Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul  
Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun  
di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Jabatan  
Perdana Menteri Bandar Seri Begawan  
pada hari Selasa, 17 Syaaban 1437 Hijrah/  
24 Mei 2016 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin, Wa'ala 'Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**A**LHAMDULILLAH, syukur kehadiran Allah Subhanahu  
Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya  
jua, kita akan menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka  
Ayahanda yang Ke-70 pada tahun ini. Kali ini ianya akan diraikan  
dalam masa kita masih berada di bulan Syawal yang mubarak.

Pada setiap tahun, tarikh 15 Julai adalah sentiasa dinantikan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Ianya merupakan peluang keemasan bagi kita semua bersama-sama menzahirkan kesyukuran, penghargaan dan merafakkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis paduka ayahanda, raja yang amat prihatin terhadap perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Saya percaya berkat komitmen, ketekunan serta permuafakatan dan kerjasama padu semua pihak dalam melaksanakan perancangan yang telah disusun rapi tersebut, InsyaaAllah sambutan perayaan akan berjalan dengan penuh teratur.

Sehubungan dengan itu, saya selaku Penaung kepada Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan menjunjung kasih setingginya di atas keberangkatan paduka ayahanda bercemar duli ke Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan yang diadakan pada hari Isnin 25 April 2016 yang lalu.

Ini adalah sebagai manifestasi kepada sikap pemedulian dan keprihatinan paduka ayahanda.

Pada Mesyuarat Khas tersebut, paduka ayahanda antara lain menitahkan perkara-perkara berikut :

1. ***“Semua bentuk sambutan mestilah ia diperinci, dikenal pasti sukat-sukat dan kriteria. Dalam makna ia tidaklah boleh selarah-larah atau semata-mata hanya mengikutkan kemahuan hati sahaja.***

*Tegasnya, bersuka ria itu memerlukan ada batas atau perenggangannya, tidak mesti dengan cara berabis. Kalau kita berjaya menghidupkan suasana kerayaan walau dalam bentuknya yang sederhana, maka itu sudah cukup bagus dan memadai.”; dan*

*Mengenai perbelanjaan - “Kita tidaklah perlu berbelanja besar untuk memuaskan hati, lebih-lebih lagi dengan berbelanja besar itu boleh ditakuti akan membawa pembaziran, sedang pembaziran itu dilarang keras oleh ugama.*

*Di sinilah pertimbangannya itu mustahak ada, dan inilah antara tanggungjawab penting jawatankuasa.”*

Maka adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Kebangsaan ini untuk mengambil perhatian dan tindakan terhadap intipati titah paduka ayahanda tersebut melalui inisiatif, tindakan dan usaha penambahbaikan yang bersesuaian.

Jelasnya, kita semua perlu bersikap proaktif dan mengubah minda masing-masing untuk tidak mengamalkan sikap business as usual bagi memastikan pengendalian acara-acara kerayaan pada tahun ini adalah lebih kreatif. Ini termasuklah juga ahli-ahli jawatankuasa di peringkat daerah. Kita dikehendaki menggembelng sumber-sumber dengan optimal selagi mana kesempurnaan dan suasana keunikannya dapat dihidupkan bersama.

Lebih utama dan penting lagi ialah kesan langsungnya kepada memperkukuhkan keakraban yang sedia terjalin di antara seorang raja dengan rakyatnya.

Alhamdulillah, paduka ayahanda telah pun juga memperkenankan bagi tarikh istiadat, upacara dan acara utama bagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda yang Ke-70.

Apa yang penting sekarang ialah bagi jawatankuasa terlibat meneruskan kerjasama dan komitmen dalam sama-sama membuat persediaan bagi memastikan semua acara sambutan perayaan pada tahun ini berjalan dengan sempurna, lancar dan teratur.

Saya percaya dengan kesepakatan dan kesatupaduan semua pihak, acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka Ayahanda ini akan menjadi wadah pada memantapkan lagi keharmonian bernegara melalui jalinan akrab di antara raja dan rakyat jelata; menerapkan semangat patriotik; kasih serta setia kepada raja; cintakan tanah air; serta bersatu padu dalam memelihara kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Dalam kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan buah fikiran, tenaga, usaha dan masa kepada Jawatankuasa Kebangsaan, Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Peringkat Daerah, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja, dan semua pihak yang terlibat dalam pengendalian acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda pada tahun lepas di atas kejayaan dan kesempurnaan setiap acara yang diadakan.

Semoga ianya menjadi amal bakti kita yang ikhlas dan menerima ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Akhirnya, selaku Penaung Jawatankuasa Kebangsaan ini, adalah menjadi harapan saya supaya ahli-ahli jawatankuasa di permesyuaratan pada pagi ini akan dapat bersama-sama memberikan pandangan dan pendapat semata-mata bagi membina, memeriahkan dan mempertingkatkan lagi kualiti serta kesempurnaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda yang Ke-70.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## **Sabda**

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda  
Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah  
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah, Timbalan Sultan  
pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz  
Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
(ITQSHHB) Keempat  
di Dewan Persidangan Utama,  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas  
pada hari Khamis, 6 Zulhijjah 1437 Hijrah/  
8 September 2016 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa 'Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**S**YUKUR kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat-Nya jua kita dapat berkumpul bagi Majlis Haflut Takharruj Diploma Aliyah Qira'at Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Keempat.

Saya seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan masing-masing. Semua ini adalah atas berkat ketekunan dan kesabaran yang tinggi dalam

meningkatkan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang Qira'at Al-Quran.

Saya benar-benar berharap kejayaan ini akan merangsang semangat para graduan untuk terus berusaha untuk meningkatkan sumbangan masing-masing dalam menyebarkan dan menyemarakkan syiar Islam kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Saya percaya negara dan kita semua yang berpayung di bawahnya akan memperolehi keberkatan dan syafaat dari kesucian Al-Quran.

Alhamdulillah, pengenalan Program Diploma Aliyah Qira'at yang bermula pada 2010 telah memberikan peluang yang luas kepada para graduan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam masa yang sama, ia dapat melahirkan ilmuwan dalam berbagai bidang kepakaran dan kerjaya serta Huffaz.

Amalan dan gaya hidup masa kini sentiasa terdedah kepada berbagai elemen yang mencabar minda dan akidah. Kadang-kadang ianya tidak serasi dengan syariat dan budaya masyarakat Islam setempat.

Lebih membimbangkan, arus globalisasi dan kepesatan teknologi info-komunikasi telah membuka ruang yang luas kepada masyarakat dengan fahaman dan ideologi yang merosakkan akal, meruntuhkan akidah, institusi kemasyarakatan dan kesucian Islam.



Justeru, kita memerlukan Generasi Huffaz yang sentiasa bersedia mencurahkan bakti dan menyumbang secara produktif kepada pembangunan masyarakat dan bangsa Brunei.

Mereka ini adalah merupakan salah satu tonggak yang boleh memimpin masyarakat kita untuk terus taat beramal serta menghayati ajaran Islam dan Al-Quran yang syumul.

Tegasnya, agama dan tamadun bangsa adalah bertunjangkan kepada generasi penerus yang mantap rohani dan jasmaninya. Maka, para graduan adalah kelompok masyarakat yang diharapkan bagi sama-sama menanai tanggungjawab ke arah menghasilkan Generasi Huffaz.

Ini sangat bertepatan dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan Sahih Al-Bukhari dari ‘Uthman bin ‘affan, mafhumnya :

*“Sesungguhnya sebaik-baik manusia di antara kamu adalah orang-orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya.”*

Oleh itu, para graduan adalah bertanggungjawab untuk sentiasa memperkemas dan mempersiapkan diri ke arah menegakkan syiar Islam bersandarkan prinsip maqasid syariah.

Ini adalah sangat mustahak bagi menjamin dan melindungi maruah agama serta memelihara kepentingan dan kehormatan individu. Perkara ini setentunya akan menjalin keharmonian hubungan sesama insan yang menjurus kepada pembentukan institusi masyarakat madani yang progresif.

Sebagai langkah ke hadapan, Generasi Huffaz perlu diperkasakan sesuai dengan tanggungjawab dan amanah ke arah menegakkan syiar Islam. Selaku ilmuwan Islam, mereka perlu saling memanfaatkan dan mengongsikan ilmu pengetahuan berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

Dengan cara sedemikian, saya percaya kita dapat memimpin dan membimbing masyarakat yang beriman dan bertakwa menurut landasan Islam yang sebenar.

Matlamat ini adalah selaras dengan aspirasi paduka ayahanda dalam pembangunan sebuah Negara Zikir yang didukung oleh masyarakat yang beriman dan bertakwa.

Ini disertai dengan minda dan mentaliti yang mantap dengan nilai-nilai luhur Islam sebagai teladan umat sejagat.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan pada hari ini. Ini termasuk peranan kepimpinan, pentadbir dan tenaga pengajar serta warga ITQSHHB.

Ucapan tahniah juga dilaratkan kepada ibu bapa dan penjaga yang sentiasa memberikan sokongan, dukungan dan komitmen yang tinggi demi kelangsungan program. Semoga Allah mengurniakan ganjaran yang berkebajikan kepada mereka semua.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## **Sabda**

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Bencana Kebangsaan di Mesyuarat Majlis Bencana Kebangsaan 2016, di Jabatan Perdana Menteri pada hari Isnin, 9 Muharam 1438 Hijrah/ 10 Oktober 2016 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin, Wa'ala 'Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**S**YUKUR kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana melindungi negara kita daripada beberapa insiden dinamik kesihatan yang telah melanda beberapa buah negara luar.

Semuanya ini adalah berkat dan hasil kerjasama yang padu daripada semua pihak yang berkepentingan dalam usaha memastikan impak daripada jangkitan penyakit sentiasa terkawal.

Kini kita berdepan dengan isu penyebaran jangkitan Virus Zika yang semakin meluas dan turut menjejaskan negara-

negara lain sehinggalah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkannya sebagai kecemasan kesihatan awam.

Negara Brunei Darussalam adalah juga tidak terkecuali daripada ancaman virus ini. Dalam hubungan ini saya menjunjung kasih ke hadapan majlis paduka ayahanda atas kepimpinan dan kebijaksanaan paduka ayahanda memperkenankan penubuhan Multisectoral Task Force bagi menangani ancaman jangkitan Virus Zika.

Ini membuktikan keprihatinan paduka ayahanda yang amat mendalam terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Pandangan jauh paduka ayahanda dalam perkara ini dengan tindakan-tindakan segera diambil adalah tepat sekali apatah lagi impak jangkitan Virus Zika ini bukan sahaja terhad kepada kesihatan individu malahan ianya juga berpotensi menjejaskan situasi sosial ekonomi negara.

Saya juga percaya Majlis Bencana Kebangsaan dapat memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya sebagai nilai tambah kepada usaha-usaha yang telah diselenggarakan melalui Multisectoral Task Force on Zika Virus.

Memandangkan situasi jangkitan Virus Zika kini semakin menular di negara-negara jiran, maka wajarlah bagi mesyuarat khas ini diadakan untuk memastikan apa jua tindakan yang dilaksanakan akan dapat dipertingkatkan ke skala yang lebih besar lagi.

Barang setentunya pendekatan *Whole of Nation* terhadap isu-isu kepentingan negara seumpama ini adalah perlu di mana

semua lapisan masyarakat dan individu adalah sama-sama bertanggungjawab dalam membantu usaha pihak kerajaan mencegah pembiakan nyamuk dari menular dan tidak terkawal.

Tambahan pula kebergantungan kepada usaha agensi-agensi kerajaan untuk bertindak secara berlebihan seperti semburan asap dan penggunaan racun serangga bukanlah satu usaha yang berkesan mesra alam atau mapan.

Jelasnya penglibatan dan penyertaan masyarakat adalah kunci kepada keberkesanan usaha pencegahan dan mengawal penyebaran jangkitan Virus Zika di negara ini. Di sinilah juga di mana majlis ini dapat memainkan peranan dalam memperkemas dan memperkesakan lagi tahap kesediaan menangani isu ini sebagai satu kejadian menurut takrif Perintah Pengurusan Bencana 2006 melalui pendekatan-pendekatan pragmatik ke arah meningkatkan awareness di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini dalam konteks *Strategy Preparedness*.

Kita perlu menilai sejauh mana negara telah berjaya mewujudkan dan menerapkan budaya bersedia atau *preparedness culture* di kalangan institusi-institusi kerajaan, pendidikan dan swasta di negara ini khususnya orang awam. Ini termasuklah *me-review* dan memperkemaskinikan rancangan tindakan awam dalam bentuk dan perisiannya yang sedia ada sekiranya ia belum mencakupi kejadian-kejadian seperti jangkitan Virus Zika ini atau yang seumpamanya sebagai bahan rujukan prosedur bagi orang ramai.

Pada hemat saya, sesebuah negara dan rakyatnya yang sudah diperkasa dengan budaya bersedia adalah merupakan komponen

pengurusan bencana paling berkesan apabila berdepan dengan kejadian bencana. Dalam perkara berkaitan, saya juga ingin menyarankan agar setiap ahli akan dapat memberikan tumpuan khusus terhadap usaha ke arah pembentukan rangka kerja dasar strategi bagi majlis ini sebagaimana menurut kehendak Perintah Pengurusan Bencana Kebangsaan 2006. Ini adalah signifikan ke arah memantapkan lagi peranan majlis dalam memberi nasihat serta hala tuju pengurusan bencana bagi Negara Brunei Darussalam.

Namun demikian apa yang paling utama ialah setiap rancangan hendaklah diikuti dengan pelaksanaan yang teratur serta berkesan, di samping membuat penilaian semula terhadap keberkesanan tindakan-tindakan yang diambil tersebut secara konsisten. Tidak kurang pentingnya ialah kolaborasi yang kukuh bersama pihak-pihak yang berkepentingan di sektor awam dan swasta khususnya pihak media yang merupakan asas kepada keberkesanan dan kejayaan sepenuhnya pelaksanaan setiap perancangan berkaitan *awareness*, *preparedness*, dan *response* bagi orang awam. Apa yang kita harapkan perkongsian maklumat tersebut bukan sahaja bersifat *responsive* kepada keperluan orang ramai malahan hendaklah juga proaktif dan bersifat pendidikan serta *reliable*.

Yang pastinya orang ramai adalah merupakan rakan utama kita dalam sama-sama berperanan dalam memastikan penyebaran maklumat misalnya tentang jangkitan Virus Zika dilakukan dengan penuh tanggungjawab serta sah dan tepat.

Pada mengakhiri, saya menaruh harapan tinggi perbincangan pada mesyuarat ini akan dapat mengemukakan saranan dan

langkah-langkah ke hadapan ke arah meningkatkan dan memperkukuhkan penyertaan orang ramai dalam inisiatif mengawal jangkitan Virus Zika ini. Majlis ini jugalah yang akan memastikan keberkesanan tahap kesiapsiagaan dalam menangani kemungkinan timbulnya jangkitan Virus Zika di Negara Brunei Darussalam dan saya menyokong sepenuhnya tindakan-tindakan yang akan membolehkan kita bekerjasama secara holistik dan bersepadu.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.